

**MEDIA CLIPPING**

<b>Client :</b>	<b>Tambun Indah Land Bhd</b>	<b>Date :</b>	<b>16 November 2010</b>
<b>Media :</b>	<b>Sinar Harian</b>	<b>Section :</b>	<b>Business</b>
<b>Language :</b>	<b>Malay</b>		

**“Tambun Indah targets sales of RM200 million”**

# Tambun Indah sasar perolehan RM200 juta

Berhasrat tingkatkan projek hartaanah daripada tujuh projek sekarang

NURUL NAZRAH NAZARUDIN

PEMAJU hartaanah terkenal di Tanah Besar Pulau Pinang, Tambun Indah Land Berhad menyasarkan perolehan purata jualan RM200 juta setahun menjelang 2016.

Pengarah Urusannya, Ir Teh Kiak Seng berkata, Tambun Indah berhasrat meningkatkan lagi projek hartaanahnya yang akan datang.

Menurutnya, buat masa ini, mereka mempunyai tujuh projek berterusan dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) melebihi RM1 bilion bagi tempoh enam tahun lagi.

“Setakat ini, kami mempunyai projek hartaanah seluas 212 ekar di Pulau Pinang, dengan pilihan untuk membeli lagi 100 ekar kerana kami yakin pasaran hartaanah akan bertambah baik tahun hadapan.

“Kesemua projek tersebut dianggarkan bernilai GDV melebihi RM1 bilion, dan kami melihat untuk meningkatkan projek hartaanah selepas penyenaraian syarikat di Pasaran Utama Bursa Malaysia,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian antara Tambun Indah dan MIMB Investment Bank Berhad di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Tambun Indah Land Berhad, Thaw Yeng Cheong dan Pengarah merangkap Ketua bersama Perbankan



● Kiak Seng (dua, kanan) bersalaman dengan Chee Kiet selepas majlis menandatangani perjanjian antara Tambun Indah Land dan MIMB Investment Bank, semalam.

Pelaburan MIMB Investment Bank Berhad, Ng Chee Kiet.

Kiak Seng berkata, pengumuman tawaran awam permulaan (IPO) syarikat yang akan datang di Pasaran Utama Bursa Malaysia akan menghimpunkan modal kerja tambahan bagi meningkatkan lagi projek hartaanah mereka pada masa akan datang.

Menurutnya, pada harga tawaran RM0.70 setiap saham, IPO Tambun Indah akan meningkat sebanyak RM22.4 juta.

“Daripada jumlah keseluruhan RM22.4 juta meningkat pada IPO, RM12.7 juta akan diperuntukkan

untuk tujuan modal kerja.

“Manakala, RM7 juta lagi akan dilaburkan kepada pinjaman perbankan dan RM2.6 juta untuk perbelanjaan penyenaraian,” katanya.

Baru-baru ini, Tambun Indah membeli tanah seluas 109 ekar di Seberang Perai dengan kos RM61.5 juta dan mempunyai pilihan untuk membeli lagi 100 ekar tanah di persekitaran yang sama.

Setakat ini, syarikat berkenaan sudah berjaya menjual melebihi 2,800 unit kediaman hartaanah yang kebanyakannya terletak di Tanah Besar Pulau Pinang, dengan nilai GDV melebihi RM800 juta.